



## جاپتن مفتي نكري فهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

**Soalan :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum.

Saya nak tanya kalau dulu masa ambil SPM ada sedikit meniru jawapan kawan. Atau masa test dekat university dah dapat soalan bocor sebelum test dan kalau ke depan hari dapat satu pekerjaan, contohnya cikgu. Macam mana dengan gaji setiap bulan, adakah haram?

Jawapan:

Alhamdulillah segala puji bagi ALLAH SWT Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan teragung Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara/saudari di atas soalan yang diajukan kepada kami.

Hukum meniru dalam peperiksaan adalah **haram dan berdosa**. Justeru itu, dalam persoalan yang diajukan oleh saudara/saudari, menjadi kewajipan setiap peperiksaan di sekolah mahupun university telah termaktub larangan meniru dalam peperiksaan. Ini kerana dalam peperiksaan adanya satu undang-undang yang dilarang untuk meniru. Hal ini kerana ia termasuk dalam melakukan penipuan dan tidak amanah. Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

**Maksudnya:** *Dan barangsiapa yang menipu kami maka bukanlah dia daripada kalangan kami.* (Hadith Riwayat Muslim no 101)

Berdasarkan kepada hadis di atas, kesan daripada perbuatan meniru tersebut mendatangkan masalah kepada masyarakat sehingga melantik orang yang bukan dari ahlinya untuk memegang jawatan-jawatan penting berdasarkan kepada sijil kelulusan yang didapati dengan cara yang tidak sah. Oleh itu, jika sekiranya jawatan-jawatan penting ini diberikan kepada seorang yang tidak amanah dan berkeahlian akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa sekiranya pelakunya tidak mampu melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya. Selain daripada itu, kesan daripada penipuan yang dilakukan boleh menyebabkan rezeki yang diperolehi mempunyai unsur-unsur syubhah.

Namun jika sekiranya perkara tersebut telah berlaku, pelaku hendaklah menginsafi perbuatan tersebut dan berazam tidak mengulanginya lagi. Pelaku juga hendaklah meningkatkan kemahiran diri setaraf dengan jawatan yang diperolehinya dan memperolehi gaji berdasarkan kepada kepakaran dan kebolehan dalam menjalankan tugas. Selain itu, banyakkkan juga bersedekah supaya rezeki yang didapati daripada pekerjaan tersebut berkat dan diredhai Allah SWT.

Semoga jawapan yang diberikan dapat menjadi panduan kepada saudara/saudari dan semoga beroleh taufiq dan hidayah dari Allah SWT.

Sekian, Wassalam.

## Rujukan

Hadis Sahih Muslim

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2198-al-kafi-676-the-ruling-of-cheating-in-exams>

<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4035-al-kafi-1548-status-gaji-daripada-pekerjaan-yang-didapati-dengan-cara-meniru-dalam-peperiksaan>